

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMBAU ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Tuan Khairy Jamaluddin [ Rembau ] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sejauh manakah Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) yang ditubuhkan oleh Malaysia dan Indonesia memainkan peranannya bagi mengatasi aktiviti pembukaan tanah ladang menerusi pembakaran terbuka oleh syarikat pemain industri sawit yang telah menyebabkan masalah jerebu rentas sempadan saban tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Aktiviti pembukaan tanah adalah dipantau dan dikawal selia oleh kementerian tertentu di negara masing-masing dan bukan di bawah seliaan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC). Malah, di Malaysia, ianya melibatkan kuasa di bawah Kerajaan Negeri.

Namun begitu, CPOPC yang ketika ini dianggotai oleh Malaysia, Indonesia dan Colombia telah ditubuhkan bertujuan antaranya adalah untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil.

Melalui CPOPC, Malaysia dan Indonesia telah memberikan komitmen untuk memastikan pengeluaran minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit dilaksanakan secara mampan. Amalan penanaman lestari ini adalah menepati standard pensijilan Minyak Sawit Mampan

## **SOALAN NO : 4**

Malaysia (MSPO) dan pensijilan Minyak Sawit Mampan Indonesia (ISPO) termasuk menghalang pembakaran secara terbuka.

Usaha berterusan ini juga akan diperhalusi dalam *Palm Oil Supply and Demand Outlook Conference* (POSDOC) yang dianjurkan oleh CPOPC pada 22 Oktober 2019 di Bandar Baru Bangi. Persidangan yang akan dihadiri oleh penggiat industri sawit dari Malaysia dan Indonesia akan membincangkan tiga aspek utama berkaitan industri sawit iaitu pengeluaran, permintaan pasaran dan unjuran harga termasuk isu alam sekitar yang merentasi sempadan.

Pada masa yang sama, Kementerian Industri Utama selaku kementerian yang bertanggungjawab kepada industri sawit di negara ini telah berbincang dengan Kerajaan Indonesia mengenai isu ini. Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas ladang-ladang kepunyaan Malaysia yang terlibat dalam aktiviti pembakaran terbuka di negara Indonesia jika terbukti ianya benar-benar berlaku.

Sekian, terima kasih.